



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENAMATAN PENERIMAAN SUMBANGAN TUNAI BAGI AKAUN AMANAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM): AKAUN AMANAH PEMBELIAN ALAT KELENGKAPAN, KEPERLUAN PERUBATAN, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DI FASILITI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

29 MEI 2020

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 23 Mac 2020 telah menubuhkan satu Akaun Amanah atas nama Akaun Amanah Pembelian Alat Kelengkapan, Keperluan Perubatan, Kemudahan dan Perkhidmatan di Fasiliti Kesihatan KKM bagi membolehkan syarikat, NGO dan orang ramai yang prihatin untuk menyalurkan sumbangan bagi kegunaan Barisan Hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia semasa berlakunya wabak COVID-19.
2. Sumbangan yang diterima akan digunakan bagi tujuan membeli alat-alat kelengkapan perubatan seperti ventilator, ubat-ubatan, reagen dan bahan pakai buang serta keperluan-keperluan perubatan lain di fasiliti KKM. Proses perbelanjaan dan perolehan di bawah Akaun Amanah ini adalah tertakluk kepada peraturan kewangan dan perolehan semasa yang berkuatkuasa.
3. Sehingga 19 Mei 2020, sebanyak RM28,507,468.34 telah disumbangkan secara tunai oleh syarikat, NGO dan orang ramai ke Akaun Amanah Khas ini. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM27,019,776.00 telah dilulus oleh Jawatankuasa Akaun Amanah untuk dibelanjakan bagi pembelian peralatan, keperluan perubatan dan

bayaran kemudahan berkaitan. Bagi baki sumbangan yang masih belum dibelanjakan, ia perlu dilulus dan dipertimbangkan dalam Jawatankuasa berkaitan yang ditubuhkan di Kementerian.

4. Selaras dengan penurunan kes positif COVID-19, KKM berpandangan tiada keperluan bagi Kementerian ini untuk terus menerima sumbangan tunai daripada syarikat, NGO dan orang ramai. Sehubungan dengan itu, tarikh akhir ditetapkan bagi penerimaan sumbangan tunai adalah pada **31 Mei 2020**.

5. KKM merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian syarikat, NGO dan orang ramai yang telah tampil ke hadapan untuk memberi sumbangan kepada KKM dalam usaha menangani wabak COVID-19.

Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia